



MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD

(No. Syarikat 201901044132 (1353462-M))

(Sebuah Anak Syarikat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)

KENYATAAN TENDER

MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD 201901044132 (1353462-M) ("MRTS") adalah anak syarikat milikan penuh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd yang telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai syarikat infrastruktur untuk pembinaan RTS Link di Malaysia.

MRTS mempelawa bakal Petender untuk mengambil bahagian dalam tender bagi pakej kerja yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK TENDER DAN NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	SYARAT-SYARAT TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TAKLIMAT TENDER MANDATORI
PROJEK RAPID TRANSIT SYSTEM LINK (RTS LINK) ANTARA JOHOR BAHRU DAN SINGAPURA PAKEJ 7: CONSTRUCTION AND COMPLETION OF VIADUCT AESTHETIC FEATURES (VAF) FOR RAPID TRANSIT SYSTEM LINK (RTS LINK) JOHOR BAHRU - SINGAPORE TENDER NO.: RTS-MRTS-GENE-OVPR-TEN-00003	a) <u>Kontraktor tempatan</u> Perlu memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) and Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB CIDB Gred : G7 Kategori : CE21 dan/atau B12 b) <u>Kontraktor asing</u> Perlu memiliki Salinan Sah Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara Syarikat ditubuhkan.	i. Terbuka kepada Kontraktor tempatan Malaysia. Penyeretaan kontraktor asing adalah dibenarkan dengan membentuk Usahasama/Konsortium bersama Kontraktor tempatan. ii. Penyeretaan kontraktor asing tidak melebihi 49% ekuiti di dalam syarikat Usahasama/Konsortium.	RM3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Sahaja) dalam bentuk Deraf Bank/Banker's Cheque pembayaran kepada:- Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd 201901044132 (1353462-M)	Tarikh : Khamis, 24 Ogos 2023 Masa : 11.30 pagi Tempat : Project Information Centre Tingkat 26, Menara JLand, Jalan Wong Ah Fook, 80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim Semua Petender dikehendaki mendaftar pada Khamis, 24 Ogos 2023 di lokasi yang tertera di atas di antara jam 11.00 pagi dan 11.30 pagi. Wakil dari setiap Syarikat Petender hendaklah tidak melebihi daripada dua (2) orang sahaja. Wakil Petender WAJIB mengemukakan Sijil Pendaftaran yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) seperti dinyatakan di dalam SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN sewaktu menghadiri Taklimat Tender. Kegagalan mengemukakan sijil-sijil tersebut akan membatalkan kelayakan untuk menghadiri taklimat.
PROJEK RAPID TRANSIT SYSTEM LINK (RTS LINK) ANTARA JOHOR BAHRU DAN SINGAPURA PAKEJ 8: CONSTRUCTION AND COMPLETION OF BUKIT CHAGAR STATION'S FAÇADE FOR RAPID TRANSIT SYSTEM LINK (RTS LINK) JOHOR BAHRU - SINGAPORE TENDER NO.: RTS-MRTS-PKG8-BUCS-TEN-00001	a) <u>Kontraktor tempatan</u> Perlu memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) and Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB CIDB Gred : G7 Kategori : B12 dan/atau B15 b) <u>Kontraktor asing yang berpangkalan di Malaysia</u> Perlu menyediakan salinan sijil pendaftaran CIDB bagi pelaksanaan projek di Malaysia.	i. Terbuka kepada Kontraktor tempatan Malaysia. Penyeretaan kontraktor asing yang berpangkalan di Malaysia adalah dibenarkan dengan membentuk Usahasama/Konsortium bersama Kontraktor tempatan. ii. Penyeretaan kontraktor asing yang berpangkalan di Malaysia tidak melebihi 60% ekuiti di dalam syarikat Usahasama/Konsortium.	RM7,000.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Ribu Sahaja) dalam bentuk Deraf Bank/Banker's Cheque pembayaran kepada:- Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd 201901044132 (1353462-M)	Tarikh : Khamis, 24 Ogos 2023 Masa : 3.00 petang Tempat : Project Information Centre Tingkat 26, Menara JLand, Jalan Wong Ah Fook, 80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim Semua Petender dikehendaki mendaftar pada Khamis, 24 Ogos 2023 di lokasi yang tertera di atas di antara jam 2.30 petang dan 3.00 petang. Wakil dari setiap Syarikat Petender hendaklah tidak melebihi daripada dua (2) orang sahaja. Wakil Petender WAJIB mengemukakan Sijil Pendaftaran yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) seperti dinyatakan di dalam SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN sewaktu menghadiri Taklimat Tender. Kegagalan mengemukakan sijil-sijil tersebut akan membatalkan kelayakan untuk menghadiri taklimat.

Petender mestilah memenuhi syarat-syarat MANDATORI seperti berikut untuk menyertai tender ini:

TENDER	KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL	KEPERLUAN KEUPAYAAN KEWANGAN
		<i>Nota: Bagi penyeretaan secara Usahasama/Konsortium, penilaian keupayaan Kewangan adalah berdasarkan purata ekuiti dalam Usahasama/Konsortium.</i>
Pakej 7	Petender telah dilantik dan berjaya menyiapkan projek Kerja-kerja Pembinaan Besi Keluli dengan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) untuk Pembinaan <i>Façade</i> Bangunan dan/atau Kerja-kerja Besi/ <i>Façade</i> untuk jabatan dalam tempoh 10 tahun lalu dengan nilai kontrak terkumpul tidak kurang dari RM5 juta .	1. Dana Pemegang Saham (<i>berdasarkan tahun kewangan terkini</i>) mestilah tidak kurang daripada RM1 juta. 2. EBITDA terkumpul sepanjang 5 tahun sebelumnya mestilah positif. 3. Baki kemudahan kredit yang tidak digunakan daripada Institusi Kewangan yang sedia ada tidak kurang daripada RM3 juta.
Pakej 8	Petender telah dilantik dan berjaya menyiapkan projek Kerja-kerja Pembinaan <i>Façade</i> /Struktur Keluli <i>Façade</i> dalam tempoh 10 tahun lalu dengan nilai kontrak terkumpul minimum dari RM80 juta , termasuk satu projek bernilai minimum RM20 juta .	1. Dana Pemegang Saham (<i>berdasarkan tahun kewangan terkini</i>) mestilah tidak kurang daripada RM5 juta. 2. EBITDA terkumpul sepanjang 5 tahun sebelumnya mestilah positif. 3. Baki kemudahan kredit yang tidak digunakan daripada Institusi Kewangan yang sedia ada tidak kurang daripada RM30 juta.

Hanya petender yang telah menghadiri taklimat tender mandatori akan dibenarkan untuk meneliti dan membeli dokumen tender. Dokumen tender boleh dibeli mulai **24 Ogos 2023 (selepas taklimat tender) sehingga 7 September 2023** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DOKUMEN TENDER	WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER
MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD (1) Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia atau (2) Pejabat MRTS Level 29, Menara JLand, Jalan Wong Ah Fook, 80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim, Malaysia	Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengah hari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengah hari dan 3:00 petang – 5:00 petang
TEMPAT PENYERAHAN DOKUMEN TENDER	TARIKH SERAHAN TENDER
MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN BHD Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia	Pakej 7 : Jumaat, 22 September 2023, sebelum jam 12:00 tengah hari Pakej 8 : Rabu, 4 Oktober 2023, sebelum jam 12:00 tengah hari Nota: Sebarang kelewatan di dalam penyerahan tender dokumen tidak akan diterima.

Nota:

- Petender dibenarkan membentuk satu Usahasama/Konsortium dengan dianggotai tidak lebih daripada **dua (2) buah syarikat**.
- Petender dibenarkan menyerahkan hanya satu (1) tender sahaja untuk setiap pakej di atas, sama ada sebagai sebuah entiti tunggal atau Usahasama/Konsortium. Petender yang didapati telah mengambil bahagian lebih daripada satu (1) tender akan dibatalkan keseluruhan penyertaannya secara automatik.
- Penyeretaan Syarikat Usahasama/Konsortium hendaklah disertakan dengan Perjanjian Usahasama/Konsortium. Perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, penyeretaan ekuiti bagi setiap Syarikat Usahasama/Konsortium dan hendaklah mempunyai klausa yang menyatakan bahawa semua ahli Syarikat Usahasama/Konsortium adalah bertanggungjawab secara bersama (*Jointly and Severally Liable*) bagi Syarikat Usahasama/Konsortium tersebut. Petender tidak dibenarkan menukar Syarikat Usahasama/Konsortium selepas tarikh serahan tender.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui e-mel ke procurement.rts@mymrt.com.my.
- MRTS berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana Petender serta membatalkan proses tender ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab. MRTS tidak akan menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Petender yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.